# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN 49 | RABU 8HB DISEMBER, 1982. | رابو 21 صفر 1403 | PERCHUMA




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (dudok tengah) berkenan merakamkan untok bergambar ramai berserta lain2 Ahli Yang Berhormat Majlis Mashuarat Negeri sa-lepas sempurna merasmikan Permashuaratan Pertama Majlis Mashuarat Negeri tersebut. Turut bergambar ia-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah (dudok di-sebelah kanan), manakala antara pembesar negara termasok-lah YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, Speaker Dewan Majlis, TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, YTB Penasehat Umom Baginda Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman.

### Manis-nya Iman

"ORANG yang bakhil ia-lah orang yang apabila namaku di-sebut di-sisi-nya dia tiada menguchapkan salawat ka-atasku."—HADITH Nabi riwayat At-Tirmizi daripada Sayedina Ali.

## Libatkan Kewangan :

# SESUAIKAN DENGAN DASAR KERAJAAN

Oleh : MOHAMAD SALIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertitah, supaya sa-barang pandangan dari Ahli2 Yang Berhormat yang melibatkan kewangan haruslah di-sesuaikan penggunaan-nya dengan dasar Kerajaan Baginda sa-chara tidak boros dan tidak pula terlalu bakhil sa-hingga menyempitkan bidang perkhidmatan.

Yang mustahak titah Baginda, perbahasan chara bagaimana perbelanjaan itu di-salorkan pada menepati hasrat menchapai kebajikan supaya dapat dinekmati oleh seluroh raayat dan pendudok negeri ini.

"Dalam melaksanakan projek2 yang berkebajikan, amalan yang di-ikuti ia-lah mendahulukan perkara2 yang mustahak didahulukan," titah Baginda.

Bertitah ketika merasmikan Mashuarat Pertama (Belanjawan) bagi musim Permashuaratan ke-20, Majlis Mashuarat Negeri Khamis lalu, Baginda Yang Dipertuan menekankan anggaran belanjawan tahun 1983 bertujuan untok membolehkan Kerajaan Baginda meneruskan perlaksanaan projek2 kemajuan yang sedang pesat di-jalankan termasok projek2 yang baru.

Untok itu Baginda mengingatkan semua ketua2 jabatan serta pegawai2 yang di-pertanggong-jawabkan akan lebeh mengawasi mutu pekerjaan dan bahan2 pembenaan yang di-gunakan ada-lah menurut perjanjian yang ditetapkan sa-lain mempastikan projek2 berkenaan di-siapkan menurut jadual dan anggaran peruntokan-nya.

Menyentoh rang undang2 yang di-binchangkan di-mashuarat itu, Baginda berharap agar perbahasan akan di-tumpukan pada menyedarkan orang ramai tentang mustahak-

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berangkat untok merasmikan Sambutan Jubli Perak Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri kelmarin Selasa 7hb. Disember 1982.

Keberangkatan Baginda di-majlis tersebut telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nora'in, dan telah di-alu2kan oleh Awg. Selamat bin Munap, Pemangku Pengarah Pelajaran, Brunei, Pengetua Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Dayang Jahrah bte Mohammad dan guru2 sekolah tersebut.

Gambar atas telah kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sedang menyaksikan sa-bahagian daripada pameran yang di-adakan di-Bilek Makmal Sains.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

## Lebeh 1000 mula daftar haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh sa-ribu orang umat Islam telah membanjiri Pejabat2 Hal Ehwal Ugama untok menghadapkan pendaftaran menunaikan fardhu haji bagi musim haji tahun 1983.

Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Abdul Rahman bin Khatib Abdullah berkata pada hari pertama pendaftaran itu di-buka Isnin lepas ada-lah merupakan hari yang paling sebok bagi pejabat2 berkenaan menerima permohonan.

Kata-nya, pendaftaran akan di-buka sa-hingga 6hb Januari tahun depan di-semua Pejabat2 Hal Ehwal Ugama seluroh negeri.

Di-ibu negeri, pendaftaran di-terima di-dua tempat ia-itu di-Bilek Bahagian Urusan Haji dan di-Bangunan Madrasah.

Lihat muka 20

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## BELANJAWAN NEGARA:

# TIDAK BOROS DAN TIDAK BAKHIL

PERSIDANGAN Majlis Mashuarat Negeri yang berlangsong pada masa ini antara-nya akan mempertimbangkan anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun 1983 dan juga beberapa Rang Undang2.

Saperti yang di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam pembukaan rasmi persidangan bahawa kedua-dua perkara yang di-sebutkan itu ada-lah berkait rapat dengan hasrat kita semua untok menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan bagi kesempurnaan hidup seluroh raayat serta pendudok negeri ini.

Mengenai anggaran hasil dan perbelanjaan, sabagaimana yang sudah lazim sa-tiap tahun, kita bershukor tidak akan di-bebankan oleh chukai2. Allah s.w.t. terus menerus melimpahkan rahmat dan kornia-Nya dengan menjadikan negara kita berkemampuan untok menanggong perbelanjaan bukan sahaja perbelanjaan mengurus bahkan juga perbelanjaan pembangunan. Dalam pada itu kita tidak-lah pula akan berbelanja dengan boros sabagaimana juga kita tidak akan bersikap bakhil dalam mempergunakan limpah kornia Allah itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sendiri bertitah bahawa dalam mempertimbangkan peruntokan2 kewangan bagi berbagai-bagai jabatan Kerajaan, yang mustahak ia-lah chara perbelanjaan itu di-salorkan pada menepati hasrat untok menchapai kebajikan supaya dapat di-nekmati oleh seluroh raayat dan pendudok negeri ini khusus-nya pada keadaan yang benar2 memerlukan-nya. Sa-jajar dengan ertikata ini maka perhatian sa-tentu-nya di-berikan kapada hajat kita membelanjakan pendapatan negara untok kepentingan yang sa-benar2-nya. Titah Baginda sangat jelas mengingatkan bahawa peruntokan yang besar bagi Ranchangan Kemajuan Negara ia-lah bagi membolehkan Kerajaan meneruskan perlaksanaan berbagai-bagai projek atau ranchangan kemajuan yang sedang pesat di-jalankan pada masa ini, termasok juga projek2 yang baru. Dalam hal ini-lah Baginda awal2 lagi mengingatkan kapada semua Ketua2 Jabatan yang berkenaan dan pegawai2 Kerajaan yang bertanggong-jawab mengenai ranchangan2 itu supaya tidak sahaja mempastikan yang projek2 dalam Ranchangan Kemajuan Negara di-siapkan menurut jadual dan dengan peruntokan yang di-tetapkan, tetapi tanggong-jawab yang lebeh mustahak ia-lah untok mengawasi supaya mutu pekerjaan dan bahan2 pembenaan yang di-gunakan ada-lah menurut sa-bagaimana yang di-tetapkan.

Kapada raayat dan pendudok, sunggoh pun kesan anggaran hasil dan perbelanjaan tahun hadapan itu tidak akan terasa dengan ketara-nya di-sebabkan tiada bebanan yang terpaksa mereka tanggong namun hendak-lah chuba ditingkatkan keinsafan bahawa faedah2 yang mereka dapati daripada berbagai ranchangan dan perkhidmatan Kerajaan bukan-lah perchuma. Memang benar kita tidak terasa membayar-nya dengan mengeluarkan wang dalam saku sendiri tetapi pada keseluruhan-nya kita semua, ia-itu negara dalam maana Kerajaan dan raayat, telah 'membayar'-nya menerusi usaha yang berterusan pada mengekalkan kestabilan suasana kehidupan yang berkeamanan dan berkesejahteraan. Sebab itu, semua lapisan kehidupan di-negeri ini sudah sa-mesti-nya berkepentingan untok mengekalkan serta meningkatkan taraf kestabilan yang di-nekmati sa-lama ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertitah merasmikan persidangan.

# BERBAGAI KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

**BERIKUT ia-lah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika merasmikan Permashuaratan Pertama bagi Musim Permashuaratan Majlis Mashuarat Negeri kali ke-20 pada hari Khamis, 2hb Disember 1982.**

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, dan selawat serta salam ka-atas Junjongan kita Nabi Muhammad Sallallahu'alaihi Wasallam serta Sahabat2 dan Pengikut2 Baginda yang ta'at setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Alhamdulillah, shukor Kehadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua kita sekalian dapat hadhir bersama2 di-pagi yang mulia ini sempena perasmian Sidang Majlis Mashuarat Negeri Brunei Kali Yang Ke-20.

Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian.

Saperti titah Beta dalam Persidangan pada tahun yang sudah, Mashuarat yang bermula hari ini antara lain akan mempertimbangkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 1983, dan juga beberapa rang undang2. Kedua-dua perkara yang di-sebutkan itu ada-lah berkait rapat dengan hasrat kita semua untok menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan bagi kesempurnaan hidup seluroh raayat serta pendudok Negeri ini.

Dalam mempertimbangkan peruntokan2 kewangan bagi berbagai Jabatan Kerajaan, yang mustahak di-bahaskan ia-lah chara perbelanjaan itu di-salorkan pada menepati hasrat untok menchapai kebajikan supaya dapat di-nekmati oleh seluroh ra'ayat dan pendudok negeri ini, khusus-nya pada keadaan yang benar2 memerlukan-nya. Ahli2 Yang Berhormat barang sa-tentu-nya akan mengambil ingatan supaya sebarang pandangan yang melibatkan kewangan harus-lah disesuaikan dengan dasar Kerajaan Beta yang mempergunakan perbelanjaan dengan sa-chara tidak boros dan tidak pula terlalu bakhil sahingga menyempitkan bidang perkhidmatan, saperti menurut hukum ugama ada-lah berdosa memberikan bantuan kapada orang yang kaya untok menunaikan fardhu haji. Dalam melaksanakan projek2 yang berkebajikan, amalan yang di-ikuti ia-lah mendahulukan perkara2 yang mustahak didahulukan.

Dalam Anggaran Belanjawan Tahun 1983, Kerajaan Beta telah memeruntokkan sajumlah peruntokan yang besar bagi Ranchangan Kemajuan Negara, ia-itu bagi membolehkan Kerajaan Beta meneruskan perlaksanaan projek2 atau ranchangan kemajuan yang sedang pesat di-jalankan pada masa ini, termasok juga projek2 yang baru. Berkaitan dengan ini, Beta ingin mengingatkan kapada semua Ketua2 Jabatan yang berkenaan dan pegawai2 Kerajaan Beta yang bertanggong-jawab mengenai ranchangan2 ini, supaya tidak sahaja mempastikan yang projek2 dalam Ranchangan Kemajuan Negara itu disiapkan menurut jadual dan dengan anggaran peruntokan yang ditetapkan, tetapi tanggong-jawab yang lebeh mustahak lagi ia-lah untok mengawasi supaya mutu pekerjaan dan bahan2 pembenaan yang di-gunakan ada-lah menurut sa-bagaimana yang di-tetapkan di-dalam perjanjian.

Mengenai dengan beberapa rang undang2 yang akan di-binchangkan dalam Mashuarat kali ini, Beta sukachita jika perbahasan di-antara lain akan di-tumpukan pada menyedarkan orang ramai tentang mustahak-nya sa-suatu peratoran atau undang2 yang diadakan itu supaya dipatohi, dan pegawai2 Kerajaan yang dipertanggong-jawabkan pula mustahak-lah menjalankan-nya dengan berkesan. Jangan sampai timbul keadaan di-mana peratoran itu hanya tinggal peratoran sahaja yakni yang terdapat di-atas kertas sahaja.

Kapada Ahli2 Yang Berhormat, Beta sa-kali lagi berharap dengan sasunggoh-nya supaya Ahli2 Yang Berhormat akan mempertimbangkan apa jua perkara yang di-bentangkan dalam Majlis ini dengan bijaksana di-sertai dengan keikhlasan dan kejujoran kerana Allah pada menghulurkan pendapat atau hujjah2 yang membena sa-mata2 kerana Allah, supaya segala keputusan yang akan di-buat itu kelak akan memberikan munafaat demi untok kebaikan raayat dan pendudok Negeri Brunei Darus Salam serta manusia isi di-dalamnya. Mudah2an Persidangan Majlis ini, dengan bimbingan yang bijaksana dari Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, akan berjalan dengan sempurna dan sentiasa memboktikan keikhlasan perasaan mesra lagi saling hormat menghormati di-antara satu dengan yang lain.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

# Laporan Dari Dewan Majlis

Oleh: Muhaimin Hj. Mohammad

## BUKAN MENURUT KEHENDAK DAN KEPENTINGAN SENDIRI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-tiap pegawai2 Kerajaan yang menjalankan undang2 atau peratoran2 bukan-lah menurut kehendak dan kepentingan sendiri tetapi ada-lah untok kepentingan negara.

Mereka yang tidak sengaja atau pun sa-chara senghaja menjalankan usaha2 yang bertentangan dengan peratoran tentu-lah berasa sedikit kechil hati kerana ada-nya pegawai2 yang menjalankan tugas bagi meluruskan kesilapan2 pada masa2 yang lepas.



YAB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Hj. Abd. Aziz

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menegaskan demikian ketika membentangkan satu usol untok membahaskan titah Kebawah DYMM yang mana usol tersebut di-persetujui oleh majlis.

Yang Amat Berhormat berkata demikian dalam sidang Majlis Mashuarat Negeri pada hari Khamis yang baru lalu.

Menyentoh titah Kebawah DYMM mengenai penelitian belanjawan untok berjimat chermat dan tidak juga bakhil, menurut Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar ada-lah satu pimpinan yang dinamik.

Yang Amat Berhormat berpendapat untok memimpin raayat dan masharakat di-negeri ini dengan sa-baik2-nya bukan-lah 'mendulor' apa saja yang di-pinta oleh raayat tetapi yang sa-baik2-nya ia-lah di-berikan apabila di-perlukan dan di-tolak jika di-fikirkan tidak penting dan itu-lah satu konsep yang berguna kapada bangsa, ugama dan negara.



## Menurut hukum Ugama ada-lah berdosa memberikan bantuan kapada orang kaya untok menunaikan fardhu haji

Saya merasa berkewajipan untok menghuraikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang berbunyi: —

"Menurut hukum ugama ada-lah berdosa memberikan bantuan kapada orang yang kaya untok menunaikan fardhu Haji". Huraian-nya ada-lah saperti berikut: —

(1) orang yang berupaya pada menunaikan fardhu haji, sa-telah sempurna sharat2 wajib mengerjakan haji pada-nya, ada-lah haram dia meminta daripada lain orang akan bantuan belanja kerana mengerjakan haji. Menurut suatu hadith yang diriwayatkan oleh Imam At-tabarani dan lain2 ulama hadith dengan sanad yang shahih yang bermaksud: —

"Barang siapa meminta dengan tiada keadaan ia fakir maka sa-olah2 ia makan bara api."

Dan berkata Al-Imam As-Sheikh Ibnu Hajar dalam kitab Az-Zawajir bahawa dosa besar ka-saratus tiga puloh dua ia-lah orang kaya dengan harta atau dengan pencharian minta sedekah kerana tamak dan hendak banyakkan harta-nya.

(2) Menurut Al-Imam Tajuddin Abdul Wahab As-Subki dalam kitab Mu'idun-Ni'am Wamubidun-Nikam menyatakan yang bermaksud di-antara lain bahawa kewajipan pegawai2 kerajaan ia-lah memerhati hal ehwal raayat, yang kaya dan yang fakir, mereka hendak-lah menyampaikan segala hak kapada yang punya hak, dan mereka di-kehendaki membuat tiap2 sa-suatu yang di-perentahkan kapada mereka membuat-nya dengan sa-kadar yang terdaya oleh mereka dan wajib-lah di-atas mereka bersunggoh2 dan berusaha dan Allah akan menolong mereka.

Berdasarkan di-atas bahawa pegawai2 kerajaan yang bertanggong-jawab mengenai dengan perbelanjaan dalam menimbangkan sa-suatu bantuan maka mereka hendak-lah berhati2 dan berchermat serta teliti dalam membuat pertimbangan itu. Maka jika mereka berlaku chuai dalam memberikan bantuan sa-hingga bantuan itu di-beri pula kapada orang yang tidak berhak menerima-nya maka pegawai yang bertanggong-jawab itu ada-lah berdosa di-sebabkan kechuaian-nya dalam menjalankan tugas.

(3) Ada pun skim kerajaan yang mengorniakan pada sa-tiap tahun belanja tambang kerana menunaikan fardhu haji kapada pegawai2-nya menurut sharat2 yang di-tentukan maka kornia tambang yang sa-demikian harus di-terima walau pun pegawai2 itu orang yang kaya dengan harta atau dengan pencharian, dan pegawai2 yang bertanggong-jawab pada mengelolakan skim itu ada-lah tidak berdosa kerana membuat kerja-nya menurut yang di-perentahkan kapada-nya, kerana orang2 Islam dahulu pada awal2 Islam telah menerima pemberian2 dan hadiah2 serta anugerah2 daripada raja2 dan pemerentah2 Islam, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Al-Imam As-Sheikh Ibnu Hajar dalam kitab fatwa-nya.

(4) Semua perkara2 yang di-nyatakan di-atas ada-lah berhubong dengan pada mempergunakan perbelanjaan harta kerajaan dan harta untok muslihat umom. Oleh itu orang2 yang berupaya pada menunaikan fardhu haji elok-lah menjauhkan diri dari sa-olah2 makan bara api dengan chara menjauhkan diri dari meminta daripada orang lain



YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Hj. Mohd. Zain

akan bantuan belanja kerana mengerjakan haji, perbuatan meminta yang sa-demikian ada-lah haram dan berdosa.

(5) Ada pun dari segi mempergunakan perbelanjaan harta diri sendiri jika harta itu di-berikan atau di-sedekahkan atau di-hadiahkan dengan ikhlas hati kapada orang yang kaya untok menunaikan fardhu haji, hukum-nya ada-lah sunat dan di-galakkan oleh ugama kerana perbuatan2 yang sa-demikian mendokong tujuan2 yang morni di-antara-nya: —

(1) Untok merapatkan hubongan silaturrahim,

(2) Untok mengambil berkat dan mendekatkan diri kapada ugama,

(3) Untok mendapat pahala,

(4) Untok memuliakan penerima hadiah itu.

## Berangkat pulang

YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah ada-lah antara kenamaan negara yang turut berangkat ka-Majlis Perasmian Persidangan Pertama bagi Musim Permashuaratan Majlis Mashuarat Negeri (Belanjawan) kali ke-20 pada hari Khamis 2hb Disember 1982 di-Dewan Majlis. Kelihatan Yang Teramat Mulia berdua meninggalkan Dewan sa-baik2 saja perasmian dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia selesai di-lafadzkan.

## Pembetulan

DALAM ruangan 3 muka 12 Pelita Brunei keluaran Rabu 1hb Disember 1982 di-bawah tajok masaalah2 yang di-kemukakan, soalan dari sa-orang peserta sepatut-nya berbunyi: Pegawai2 kerajaan perempuan yang berkhidmat sa-chara sa-bulan ka-sebulan yang suami-nya tidak bekerja berhak menerima elaun pelajaran di-sekolah2 Misi, mengapa-kah demikian?

Jawapan dalam para 3 bagi soalan tersebut yang di-betulkan di-atas hendak-lah di-bacha saperti berikut:

Wakil Pejabat Kewangan, Awang Ahmad bin Haji Munchong ketika menjelaskan berhubong dengan perkara ini berkata, merujok surat keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bilangan 34/75, dan Surat Keliling SUK Bil. 13/74 menyatakan mulai 1hb Disember 1973 elaun tersebut hanya di-berikan kapada anggota Askar Melayu Diraja Brunei sahaja.

Sementara bagi anak2 kakitangan Kerajaan, raayat Brunei yang dalam open vote atau dari sa-bulan ka-sebulan ada-lah tidak berhak mendapat elaun pelajaran dan pengorniaan tambang bagi anak2 mereka, walau pun sebelum-nya ada pindaan yang menyatakan demikian ia-itu atas pertimbangan Pegawai Kewangan Negara.

## Taklimat Guru2 Besar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Majlis Taklimat kapada Guru2 Besar dan Penolong Guru2 Besar Sekolah Rendah Kerajaan, di-adakan hari ini, Rabu 8hb Disember bertempat di-Pusat Tingkatan Enam, Gadong.

Taklimat tersebut di-jangka di-sampaikan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran, Haji Mohd Suni bin Haji Idris.

Tujuan utama taklimat ini di-adakan ia-lah untok menerangkan dan menjelaskan kapada guru2 besar dan pehak2 yang berkenaan tentang kurikulam sekolah rendah terutama sekali mengenai dengan sukatan pelajaran dan penjadualan.

Sukatan pelajaran yang di-sebutkan itu di-jangka akan di-lancharkan dan di-gunakan pada awal tahun 1983 sa-chara menyeluroh dan sa-rentak di-semua sekolah2 rendah kerajaan.

Selain dari itu, perjumpaan ini juga bertujuan untok membinchangkan jika ada keraguan, kekeliruan atau masaalah2 yang mungkin timbul dari perlaksanaan ini nanti, supaya dapat di-atasi bersama.

# PENDIDEKAN DALAM ISLAM

(sambongan)

Siri Ke-161

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

3. Sa-tengah dari adab guru itu: Hendak-lah ia berperangai dengan perangai yang baik yang di-suroh oleh shara' saperti zuhud dan berpada2 dengan harta benda dan tiada kesal apabila tiada dapat harta itu, dan berperangai murah hati, murah tangan, jerneh muka, hilm (menahan marah), sabar, menjauhi dari hasil penchariân yang tidak halal, sentiasa wara', khusu', tentang hati dan anggota (sakinah dan wakar), sopan-santun, tawadhu' dan khudhu' (merendahkan diri), menjauhi ketawa, dan menjauhi dari membanyakkan gurau senda, dan melazimkan (membiasakan diri) dengan adab shara' pada zahir dan sulit saperti berchuchi dari kotor, membersehkan ketiak, membuang segala bau yang busok, menjauhi bau2 yang busok dan menyikat rambut.

4. Sa-tengah dari adab guru itu: Menjauhkan diri dari hasad, ria', menunjok2, i'jab, tidak memandang diri tinggi dan menghinakan orang sa-kali pun mereka jauh di-bawah daripada-nya, orang2 yang tidak dapat mengawal diri-nya itu ia-lah orang rendah jiwa-nya.

Jalan bagi membuang hasad, hendak-lah ia ketahui bahawa ada-lah menjadi rahsia Allah menjadikan sa-tengah manusia mempunyai kelebehan, maka dari itu jangan-lah membantah dan jangan ia benchi akan yang terkandong dalam rahsia Allah itu, dan jangan-lah ia menchachi sa-siapa supaya ia jauh dari maksiat dan dosa.

Jalan bagi membuang ria' (menunjok2) hendaklah ia ketahui bahawa makhlok itu sa-benar-nya tiada dapat memberi munafa'at kapada-nya, dan tiada dapat memberi mudharat kapada-nya, maka jangan-lah ia sebok hendak melayani mereka, nanti diri-nya sendiri akan penat, dan akan chedera ugama-nya dan hilang pahala amal-nya, dan dia akan membuat sa-suatu yang menjadi murka kapada Allah Ta'ala, dan hilang redha Allah daripada-nya.

Jalan bagi membuang i'jab pada diri, hendak-lah ia ketahui bahawa ilmu itu suatu kelebehan daripada Allah dan suatu pinjaman daripada Allah, sabagaimana Allah berkuasa meminjamkan, maka Allah berkuasa pula menarek balek pinjaman-nya itu, dan tiap sa-suatu pada Allah ada had dan tempoh ajal-nya, dari itu sayugia-lah tiada merasa i'jab dengan sa-suatu yang dia sendiri tiada menchiptanya, dan bukan mileknya, dan bukan kekal salama2-nya kapada-nya.

Jalan bagi membuang perangai yang suka menghinakan orang, hendaklah ia beradab (berkelakuan) dengan adab dan kelakuan yang di-suroh Allah Ta'ala.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah An-Najm Ayat 32 yang tafsirannya: "Jangan kamu puji diri kamu, kerana i'jab dan membesar diri kamu, ada pun kerana mengaku nikmat Allah ka-atas-nya ada-lah terpuji, kerana Allah Ta'alah mengetahui siapa yang bertaqwa kapada Allah."

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Hujurat Ayat 13 yang tafsir-nya: "Bahawa orang yang lebeh mulia di-sisi Allah, ia-lah orang yang lebeh bertaqwa kapada Allah dan takutkan Allah."

Barangkali orang yang di-pandang-nya itu kurang daripada-nya, lalu ia menyangka bahwa diri-nya lebeh taqwa kapada Allah, dan lebeh suchi hati, lebeh ikhlas dan jujor niat, lebeh berseh amal dan ibadat, sedangkan ia tidak mengetahui kesudahan-nya sama ada ia akan mati dalam iman atau su'ul khatimah (kufur), menurut dalam hadith yang sahih yang maksud-nya sa-seorang beramal dengan amal ahli shurga, kemudian pada akhir hayat-nya ia beramal dengan amalan ahli neraka, maka ia masok neraka, sa-balek-nya saorang beramal dengan amal ahli neraka, kemudian pada akhir hayat-nya ia bertaubat dan beramal dengan amal ahli shurga, maka ia masok shurga (tersebut di-dalam suatu hadith yang panjang dalam Al-Ahadithul-Arba'in An Nawawiyah).

WALLAHU A'ALAM

# 'Taubat Puncha Kesejahteraan' — thema Sambutan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. tahun ini dalam mashuarat-nya yang baru lalu telah menetapkan bahawa sambutan perayaan tersebut akan di-adakan seluroh negeri pada 28hb. Disember, 1982.

Thema yang di-pileh untok sambutan tersebut berbunyi TAUBAT PUNCHA KESEJAHTERAAN.

Sambutan di-Daerah Brunei dan Muara akan di-bahagikan kapada tiga bahagian kawasan ia-itu Kawasan Brunei I, Kawasan Brunei II dan Kawasan Brunei III.

Kawasan Brunei I akan di-adakan di-Padang Sekolah Menengah SMJA di-ibu negeri di-mana peserta2 yang mengambil bahagian akan berkumpol beramai2 dan tidak akan mengadakan perarakan saperti tahun2 yang sudah.

Kawasan Brunei I akan melibatkan Jabatan2 Kerajaan, Kampong Ayer, Maktab2, Sekolah2, Pertubohan2 Awam dalam kawasan Bandar Seri Begawan, Askar Melayu Diraja Berakas Kem dan Bolkiah Kem dan Pasokan Pulis Diraja Brunei.

Sementara sambutan perayaan bagi Kawasan Brunei II pula akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu SUAS, Muara. Kawasan2 yang terlibat ia-lah Mukim Berakas, Mukim Kota Batu, Mukim Mentiri dan Mukim Serasa.

Manakala Kawasan Brunei III sambutan akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sengkurong. Mukim2 yang termasok dalam kawasan ini ia-lah Mukim Gadong, Mukim Kilanas, Mukim Sengkurong, Mukim Pengkalan Batu dan Mukim Lumapas.

Sambutan di-daerah2 Tutong, Kuala Belait dan Temburong sama saperti pada tahun lepas ia-itu di-adakan pada satu kawasan saja bagi peringkat Daerah. Di-samping itu acharа2 sambutan juga di-jangka akan di-adakan oleh Jabatan2 kerajaan, pendudok2 kampong dan badan kebajikan sa-bagai lanjutan dari perayaan di-peringkat negeri itu.

## Dailog Sastera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (Asterawani) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka akan meneruskan majlis "Dailog Hujong Minggu"-nya pada Sabtu ini 11hb Disember 1982.

Majlis tersebut akan di-langsongkan di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka kira2 jam 7.30 malam.

Dailog serupa ini adalah merupakan salah satu projek Persatuan Asterawani yang sering di-adakan. Tetamu pada kali ini ia-lah Adi Kelana yang akan membicharakan tiga buah cherpen.

Para peminat2 sastera ada-lah di-alu2kan hadhir di-majlis pada malam itu.

## Gelang emas di-jumpai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Ugama Islam di-sini mengumomkan siapa2 yang kehilangan gelang emas berpermata boleh-lah berhubong dengan Pengelola Baitol Mal Zakat dan Fitrah di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini bila2 masa pejabat di-buka. Gelang tersebut telah di-jumpai terchichir di-salah sa-buah rumah kediaman orang kenamaan.



GAMBAR atas ketika majlis pengIslaman pemuda Filipina, Rolando Catli yang telah di-adakan di-Surau pasokan Askar Melayu Diraja baru2 ini.

Beliau sekarang di-kenali dengan nama Islam-nya sa-bagai Awang Mohd Amin bin Abdullah.

Majlis pengIslaman tersebut telah di-hadhiri oleh pegawai2 kanan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan di-akhiri dengan majlis berzikir.

# Kedudokan Wang Zakat Fitrah di-jelaskan

TEMBURONG. — Satu cheramah bertajok "Kerja Itu Sa-Bagai Satu Ibadat" ada-lah di-antara acharа yang mengisikan Kursus Sivik anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan untok pekerja2 dalam Bahagian Lima dan Bergaji Hari di-Dewan Ria di-sini pada 23hb Nobember, 1982 yang lalu.

Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama yang menyampaikan cheramah tersebut antara lain telah menyeru umat Islam menanamkan sangka baik terhadap sama umat Islam sendiri, dan perlu-nya mengamalkan sikap memberi dan menerima nasehat yang baik di-samping bersedia menchegah kemungkinan dan maksiat dari berlaku dalam masharakat demi mengharapkan keredhaan Allah.

Tegas beliau lagi, di-antara yang penting dalam menjadikan kerja itu sa-bagai satu ibadat ia-lah sifat amanah pegawai2 Kerajaan. Pada perengkat ini beliau telah memberikan satu chontoh bahawa wang Zakat dan Fitrah yang di-kendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama itu ada-lah satu amanah Allah. Kedudokan wang Zakat Fitrah itu terjamin kerana ia di-pereksa oleh Pegawai2 dari Pejabat Odit Negara dan Penyata Kira2 itu ada-lah di-sahkan dalam Warta Kerajaan.

Peruntokan2 yang di-keluarkan dari Wang Kumpolan Zakat dan Fitrah ada-lah di-kawal oleh peratoran2 yang tertentu termasok-lah penubohan sa-buah badan yang di-namakan "Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat", yang mana Jawatankuasa ini ada-lah di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan melalui Majlis Ugama Islam, Brunei.




## Gagal mengenali Tuhan:

# PUNCHA BERBAGAI JENAYAH

MARI-LAH kita sama2 bertakwa kapada Allah Ta'ala dan menyeru saudara2 kita yang lain meningkatkan perasaan ketakwaan itu dengan menegohkan iman dan amal serta rela mengorbankan sa-genap kelazatan dan kesenangan peribadi demi untok menghindarkan diri dari larangan2 Allah Ta'ala.

Ketahui-lah tuan2 bahawa apa yang di-amali oleh umat2 manusia di-dunia sekarang dari segi kemerosotan akhlak dan kechenderongan mereka melakukan berbagai2 jenayah dan kejahatan tiada lain melainkan kerana kelalaian manusia daripada mengenali Tuhan yang maha esa yang menjadikan mereka dan kegagalan mereka pada menanamkan keagongan dan kebesaran Allah Ta'ala di-hati mereka yang boleh menjadikan mereka takut berbuat kejahatan.

Tanpa ada-nya ketakutan kapada Allah Ta'ala itu menjadikan manusia amat berani berbuat sa-suatu sekali pun di-luar peri kemanusiaan dan mencheroboh hak2 dan kepentingan2 manusia yang lain. Tanpa ada-nya ketakutan kapada Allah Ta'ala itu manusia amat berani melanggar undang2 dan perbuatan2 sekalipun undang2 dan perbuatan2 itu telah di-persetujui oleh sekalian bangsa di-dunia ini, apatah lagi kalau undang2 dan perbuatan2 itu hanya di-buat oleh sebahagian bangsa atau sabahagian negara sahaja.

Ugama Islam sa-bagai sifat-nya ugama yang bertujuan memberi kebahagiaan kapada sekalian umat manusia sejagat, bukan hanya chukup dengan menyediakan berbagai2 bentok hukum bagi bermacham2 jenayah dan kesalahan yang boleh menegah manusia dari melakukan kesalahan dan kejahatan, tetapi juga tidak kurang menyeru manusia takutkan Allah Ta'ala dan takutkan azab-Nya di-dunia dan di-akhirat, supaya dengan demikian akan lebeh mendorong manusia taat kapada Allah dan patoh kapada jalan2 yang menuju kapada keredhaan-Nya dan menchapai segala nekmat yang di-sediakan-Nya.

### TAKUTKAN ALLAH

Terlalu banyak ayat2 Kor'an dan hadith2 Rasulullah yang menyeru manusia supaya takut kapada Allah dan gerun kapada azab-Nya, firman Allah Ta'ala di-dalam Surah Al-Mulk ayat 12 kira2 maksud-nya *"Sesunggoh-nya orang yang takutkan Tuhan mereka (pada melanggar hukum-Nya) sa-waktu mereka tidak di-lihat orang dan semasa mereka tidak melihat azab Tuhan, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar."*

Firman Allah Ta'ala di-dalam Surah Al-Baiyinah kira2 maksud-nya: *Allah redha akan mereka itu dan mereka pula redha (serta bershukor) akan nekmat pemberian-Nya. Balasan yang demikian itu untok orang yang takut (melanggar perintah) Tuhan-nya."*

Sabda Rasulullah s.a.w. erti-nya: *"Jika menggeletar tuboh sa-seorang hamba kerana takutkan Allah Ta'ala neschaya berguguran-lah dosa2-nya sebagaimana bergugoran-nya daun2 dari pohon-nya."*

Demikian wahai tuan2, kedudokan orang2 yang takut kapada Allah Ta'ala dengan erti kata takut melanggar larangan2-Nya dan takut menchuai2kan surohan2 serta takut kapada azab-Nya, yang mendapat keampunan, keredhaan dan nekmat-Nya.

Di-samping takutkan Allah Ta'ala itu, kita di-suroh pula mengimbangkan-nya dengan menaroh harapan kapada Allah, kerana bagi orang yang berdosa yang tiada menaroh harapan bahawa dosa-nya akan di-ampunkan oleh Allah neschaya akan bertukar jadi putus asa yang mungkin memutuskan hubongan-nya dengan Allah Ta'ala, sedangkan gejala ini pasti akan mendatangkan keburokan kapada diri-nya.

### MENAROH HARAPAN

Sa-balek-nya jika sa-seorang itu hanya menaroh harapan kapada Allah tanpa di-sertai dengan takut kapada-Nya, boleh pula menyebabkan-nya chuai memikul segala tanggong-jawab-nya, kerana dia menganggap bahawa segala dosa-nya pasti akan di-ampunkan oleh Allah sekali pun ia senghaja chuai dan lalai terhadap surohan2 Allah.

Kerana itu bagi orang yang dalam keadaan sehat ada-lah lebeh utama bagi-nya membuat perimbangan antara takut dan harap itu selama tiada ghalib penyakit putus asa pada diri-nya. Tetapi jika putus asa itu lebeh ghalib pada diri-nya maka lebeh utama-lah bagi melebehkan harap daripada takut. Begitu-lah juga sa-balek-nya jika ghalib bagi-nya sentosa dari kemurkaan Allah dan seksa-Nya maka lebeh utama-lah bagi-nya melebehkan takut daripada harap.

Ada pun bagi orang yang sakit maka sunnat hukum-nya supaya ia memperbaiki sangka kapada Allah saperti menaroh sangka dan harapan bahawa Allah Ta'ala mengampunkan dosa2-nya dan mengorniakan rahmat-Nya kapada-nya. Kerana itu hendak-lah ia melebehkan harapan-nya akan keampunan Allah dan rahmat-Nya daripada takut akan kemurkaan dan azab-Nya, ini-lah perintah kapada orang yang sakit, supaya apabila ia mati maka mati-nya dalam keadaan berbaik sangka kapada Allah Ta'ala.

Dari itu supaya kita dapat menjalani kehidupan dunia ini di-atas landasan yang di-redhai Allah, elok benar-lah jika kita sehat membuat perimbangan antara takutkan Allah Ta'ala dan menaroh harapan akan rahmat-Nya itu. Di-samping kita yakin bahawa Allah Ta'ala itu bersifat maha pengampun dan maha penyayang serta bersedia mengampunkan dosa2 kita, jangan-lah pula lupakan bahawa Allah itu ada-lah juga amat dahshat seksaan-Nya dan Allah itu tiada-lah memungkiri janji-Nya bahawa orang yang derhaka dan berbuat maksiat itu akan di-balas dengan azab seksa yang pedeh.

# Burok sangka mendatangkan dosa

**Bingkisan minggu ini**

Burok-sangka ada-lah merupakan sifat yang paling merbahaya jika di-mileki oleh sa-seorang, dari burok sangka timbol shakwasangka dan churiga yang bukan2 yang membawa keadaan hidup dan jiwa yang tidak aman dan tidak senang sa-panjang masa. Oleh itu, jauhi-lah diri kita dari memileki sifat saperti ini, sapertimana firman Allah dalam surah Al-Hujurat ayat 12 yang bermaksud:-

*"Hai orang2 yang beriman: Jauhi-lah kebanyakkan dari burok-sangka (kechurigaan), kerana sa-bahagian dari burok-sangka itu mendatangkan dosa".*

Sesunggoh-nya sikap burok-sangka amat-lah sia2 dan boleh meretakkan kebahagiaan, kemesraan atau memutuskan silaturahim sa-sama manusia. Mithal-nya dalam sa-buah rumah-tangga kalau si-suami atau si-isteri atau kedua2nya sekali memileki sifat churiga, hal ini boleh menjejaskan kebahagiaan rumah-tangga yang mereka bena bertahun2 lama-nya. Jika keadaan itu tidak di-perbaiki segera ia boleh menchetuskan atau menyalakan api kechil dalam rumah-tangga tersebut yang mana jika api itu tidak dapat di-kawal sudah tentu akan merebak dan membesar, akhir-nya akan terbakar-lah rumah-tangga itu yang di-namakan percheraian. Sedangkan percheraian ada-lah satu2-nya perbuatan atau tindakan yang di-benchi oleh Allah s.w.t., sapertimana pernah di-riwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang erti-nya:

*"Barang halal yang amat di-benchi oleh Allah ia-lah talak".*

Sa-bahagian dari sebab2 percheraian ada-lah burok-sangka yang tidak berasas antara suami dan isteri. Burok-sangka tidak hanya merosakkan rumah-tangga malah juga merosakkan perhubongan kita dengan sanak-saudara, kawan-teman, jiran-tetangga, dan masharakat umom-nya. Pendek-nya, hidup bermasharakat jangan-lah menaroh burok-sangka terhadap sa-seorang tanpa ada bokti yang nyata. Jalan yang sebaik2-nya untok mengelakkan burok-sangka ia-lah berterus terang dengan jujor dan ikhlas. Dengan yang demikian, kita tidak menanggong beban penderitaan jiwa dan tidak menanggong dosa dengan menyimpan sangkaan burok itu di-dalam hati.

Burok-sangka yang merbahaya itu ia-lah burok-sangka yang melulu, ada pun burok-sangka yang telah di-timbangkan dengan akal fikiran yang waras demi untok menjaga maruah dan menghindarkan kemungkaran2 yang berlawanan dengan ajaran Islam, maka yang sa-demikian itu tentu-lah di-haruskan.

Pokok pangkal-nya ia-lah kebijaksanaan kita sendiri, supaya tidak keterlaluan dan berlebehan. Islam sentiasa menganjorkan kita bersikap sederhana dalam semua perkara.

# Borang Penyertaan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perhimpunan bagi Sambutan Maulud Nabi s.a.w. bagi kawasan Brunei 1 (Peringkat Negeri) akan di-adakan pada 28hb. Disember, 1982 bersamaan 12hb. Rabiul Awal, 1403 bertempat di-Padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam (SMJA) bermula jam 7.30 pagi.

Kapada peserta2 yang ingin mengikuti perhimpunan tersebut boleh-lah mendapatkan borang2 penyertaan daripada Ustaz Awang Haji Mokti bin Mohd. Daud dan Awang Haji Abdullah bin Mohd. Daud bertempat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini. Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb. Disember, 1982.

# Memelok Ugama Islam



**Dayang Christina Norlizawaty bte Abdullah**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang gadis Dusun, Dayang Tinggal bte Daman, 20 tahun dari Kampong Padnunok, Tutong telah memelok ugama Islam di-satu majlis yang berlangsong di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini baru2 ini.

Beliau melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg. Hj. Ismail bin Mat Seruddin. Ia kini di-kenali sebagai Dayang Christina Norlizawaty bte Abdullah.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2** sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 8hb Disember, 1982 hingga ka-hari Selasa 14hb Disember, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 9hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 10hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 11hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 12hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 13hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 14hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai dari pukol 12.45 tengah hari.

## Radio minggu ini:

# RADIO DAN DUNIA MUSIK

MUSIK itu radio dan radio itu musik. Demikian bentok wajah radio pada banyak orang. Mungkin sedikit sekali orang yang dapat membayangkan bahawa radio itu azan dan azan itu radio. Ini tentu-lah dapat di-ramalkan kerana ada orang mengatakan, radio tanpa musik membikin saya sepi. Kehilangan musik pada saya sama saperti patah tak akan tumboh hilang tak akan berganti. Dan ada pula yang mengatakan; dengarkan pada saya musik apa pun dari dang-dut hingga kelasik dari pop sampai kapada jazz baik yang 'Punky' mahu pun yang 'rock'. Yang lain pula berkata, saya tidak dapat memperkatakan bagaimana enak-nya musik itu chuma agak dapat saya bayangkan dengan sepatah kata kelohan 'aduhai'. Untok itu saya mohon dengan segala kerendahan hati agar radio menerus-kan program musikal-nya.

Memang ramai yang 'gilakan' musik. Ada yang meminati musik ranchak yang irama-nya bagaikan tong-tong atau tin-tin jatoh bergugoran. Ada yang meminati musik lemah gemalai, sayu mendayu rasakan ia merobek dada oleh tekanan 'nostaglia'. Ada orang yang benchi pada musik, tapi yang ramai-nya bila musik berbunyi kaki-nya mulai bergoyang. Tak kurang pula yang tutop telinga bila mendengar musik Melayu, tetapi lobang telinga-nya jadi begitu lapang bila mendengar irama padang pasir atau musik2 ala Al-Suraiya. Malah ada orang yang sampai mengatakan biar kurang makan jangan kurang musik, ini terbokti bila mahu makan mesti ada musik malah mahu tidor pun mesti pakai musik. Pada sa-seorang yang hampir separoh mati dilanda penyakit chinta, mu-sik-lah teman-nya yang paling setia sa-olah2 pada muzik-lah tempat-nya mengadu. Entah ya entah tidak. Chuba2-lah bertanya pada orang2 yang pernah 'kapus-kapus' di-lautan chinta itu.

Ada orang terkejut mendengar harga penggesek biola sahaja beratus ringgit, tetapi ada pula orang yang ringan sahaja tangan-nya membayar harga sa-buah grand piano sepuloh ribu ringgit. Ini belum mahal lagi kerana harga sabuah biola buatan Antonio stradivarius lebeh suku juta ringgit di-pasaran lelong Amerika. Ada orang yang berkira2 sangat untok membeli sa-buting kupiah puteh berharga $1.50 tetapi dia tidak perlu menawar sa-buah piring hitam LP yang berharga $15.00. Ada orang terkejut mendengar sa-naskah Kor'an harga-nya $50.00 tetapi bila dia mendengar harga sa-buah gram berkualiti FM $1,200.00 terus saja dia membuat komen, "I say very cheap you know, really a good bargain."

Sa-belum perang dunia kedua ada orang Melayu kerja main muzik gesek biola di-pentas joget. Gaji-nya untok makan saja tidak chukop. Beli sigup malar berhutang. Ini cherita orang tua2. Tetapi serentak dengan itu Yehudi Menuhen sa-orang penggesek biola yang termahsur di-barat sampai hidup bermandikan wang. Dan sekarang dunia muzik lain wajah-nya, maka ramai-lah orang yang menghantar anak2 ka-sekolah muzik, malah ada yang sampai menghantar anak2 belajar muzik keluar negeri untok ambil ijazah. Bila pulang ka-tanah ayer gaji-nya sama dengan gaji sa-orang lawyer. Ini-lah dunia muzik dalam wajah baru.

Dalam zaman serba moden ini muzik sudah menjadi satu macham prestasi. Untok orang2 penting atau ternama, mereka harus mengetahui beberapa nama tokoh2 muzik yang termashor di-dunia antarabangsa saperti Schubert, Tchaikovsky, Yehudi Menuhen dan lain2. Awda pun perlu tahu. Mana tahu di-suatu masa, di-suatu tempat, atau di-satu kesempatan tanpa diduga awda bertemu dengan President Jayewardene atau Jaclyn Smith. Jika dia mengatakan bahawa dia meminati Mozart, awda pula mesti membalas; saya menggemari Beethoven. Kerana awda tentu belum boleh mengatakan pada perengkat International "saya meminati muzik Rahman Sudin".

intisari RTB minggu ini




CAR washing is just one of the many activities of the patients of the Psychiatry Unit at the General Hospital. Would you like to find out more about the course of treatment for these patients ? Join Malai Abdullah bin Haji Malai Othman tomorrow 9th December, at 11.25 am on the English Service of Radio Brunei.



ATAS kiri, Pvt. Judy Benjamin (peranan di-pegang oleh Lorna Peterson) dan Captain Lewis (Eileen Brennan) yang seringkali awda akan dapat saksikan dalam siri jenaka PRIVATE BENJAMIN kira2 jam 9.15 malam ini.

## Tunas Yang Patah — tajok sandiwara radio minggu ini

PENULIS LAT Brunei mengemukakan tentang pergolakan jiwa saorang pelajar sa-telah gagal untok meneruskan pengajian-nya. Ini-lah diantara lain kandongan sandiwara radio minggu ini yang di beri jodol TUNAS YANG PATAH.

Mahani, anak perempuan kapada Imran dan Asnah ada-lah merupakan sa-orang yang agak lembab untok menerima pelajaran yang baik dan adalah berbedza dari adekberadek-nya yang lain. Berikutan dengan kegagalan yang di-perolehi-nya itulah perhatian kedua ibubapa-nya berubah terhadap-nya. Kaseh sayang mereka seakan2 pudar terhadap-nya.

Perubahan sikap mereka itu-lah yang lebeh melukakan hati dan perasaan-nya. Hanya Bedah-lah satu2nya teman tempat dia mengadu nasib-nya yang tidak sa-indah nasib saudara2-nya yang lain. Dan hanya Bedah-lah yang juga selalu memberikan perangsang dan nasehat untoknya terus bersabar.

Sangat burok layanan orang tua Mahani terhadap-nya, hinggakan Mahani di-lakukan saperti saorang anak tiri. Walau pun ia di-perhambakan di-rumah sendiri, Mahani dengan seboleh2-nya menyesuaikan diri dengan kehendak orang tua-nya walau pun dia di-anggap sial oleh mereka.

Kerana tidak tertahan lagi dengan keadaan itu, Mahani telah membuat satu keputusan nekad. Apakah keputusan yang diambil oleh Mahani? Bagaimana pula hal-nya dengan kedua ibu bapanya? Mungkin-kah kesedaran akan menyelubongi jiwa mereka? Untok kesimpulan cherita, para pendengar ada-lah di-persilakan untok mengikuti siaran sepenoh-nya pada 12hb. Disember, 1982 jam 10.30 pagi.

Ranchangan ini di-terbitkan oleh Zainab Hj. Mohd. Taha.

# RANCHANGAN TVP — Dari 13hb. hingga 19hb. Dis., 1982.

### ISNIN — 13HB DISEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 758.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, SI-AMIN, KATA SI-MANIS, MAIN BA-KUL, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

### SELASA — 14HB DISEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 759.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, YANG MANA GANJIL, BERSENAM, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

### RABU — 15HB DISEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 760.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, SI-MANIS, MAIN KUDA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

### KHAMIS — 16HB DISEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 761.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, SI-MANIS, MAIN BOLA, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

### JUMAAT — 17HB DISEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, AMINAH, PEKERJAAN SENDIRI, BOLA TUMBOK, MEMBUAT MOBILE dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 18HB DISEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 762.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, TEKA BENDA, PETI SURAT, MAIN BAKUL, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

### AHAD — 19HB DISEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERSENAM, PAPAN HIKMAT, PETI SURAT, IKUT KETUA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

# Laporan Dari Dewan Majlis

Oleh: Muhaimin Hj. Mohammad

## BEKALAN LETRIK KA-MUKIM BUKIT SAWAT SIAP TAHUN DEPAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit menjelaskan bahawa bekalan letrik ka-Mukim Bukit Sawat di-Daerah Belait akan di-laksanakan yang mana kawasan tersebut telah di-ukor dan tawaran ada-lah dalam proses.

Menjawab pertanyaan yang di-beri notis dari Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri Awang Ariff bin Mujun dalam sidang Majlis Mashuarat Negeri pada hari Khamis lepas, Yang Berhormat itu menambah, pemasangan pembekalan letrik ka-Mukim Bukit Sawat akan dapat di-siapkan pada akhir tahun 1983.

Berhubong dengan pemasangan tiang talipon ka-Mukim Labi belum lagi di-laksanakan, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria pula menyatakan, satu usaha untok mengadakan perkhidmatan talipon kawasan itu telah di-buat tetapi malang-nya satu kemalangan telah berlaku yang menyebabkan usaha untok meneruskan kerja2 tersebut terpaksa di-tanggohkan.

Walau bagaimana pun satu pelan baru telah di-sediakan dan kerja2 perlaksanaan-nya akan di-mulakan tidak berapa lama lagi, kata Yang Berhormat ketika menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri.

Juga soalan dari Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri Awang Ariff bin Mujun, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kol. Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad memberitahu Dewan bahawa Kerajaan berpendapat masa-nya belum tiba untok mengadakan sa-buah pos pulis di-hujong jalan yang bersempadan dengan Kampong Bukit Teraja dengan Baram. Ini ada-lah berdasarkan penyiasatan yang telah di-lakukan baru2 ini.

Walau bagaimana pun kata Yang Berhormat, kawasan tersebut ada-lah dalam kawalan Balai Pulis Labi yang mana rondaan ka-tempat tersebut di-lakukan pada tiap2 hari.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri juga ingin tahu bila-kah ranchangan untok membena sa-buah Balai Bomba di-Labi akan dapat di-laksanakan.

Mengenai dengan ini, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri menjelaskan bahawa pada asas-nya sakeping tanah 3.62 ekar telah di-pileh yang mana pembenaan-nya akan di-timbangkan dalam tahun 1984-1985 ia-itu menurut keutamaan-nya.

## Pemberian dermasiswa di-sesuaikan dengan kehendak negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemberian dermasiswa Kerajaan ada-lah di-sesuaikan dengan kehendak2 negara pada bidang2 kemahiran atau kelayakan yang tertentu salaras dengan perkembangan dan pembangunan di-berbagai sudut yang satentu-nya menghendaki kapada 'manpower' yang bersesuaian.

Di-bidang latehan perguruan, keutamaan ada-lah di-berikan bagi pemohon2 yang ingin mendapatkan ijazah yang khusus dalam mata2 pelajaran yang tertentu. Langkah itu di-buat ada-lah pada membolehkan Kerajaan dalam jangka waktu yang pendek akan dapat menyediakan tenaga2 tempatan bagi menggantikan pegawai2 pelajaran dari sa-berang laut. Ada pun, Ijazah Am' khas-nya B. Ed tidak-lah di-berikan keutamaan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri menjelaskan ketika menjawab soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Awg. Hj. Abd. Latif mengenai sebab2 di-berhentikan penghantaran guru2 ka-sebe-rang laut untok mengambil ijazah B. Ed., dalam sidang Majlis Mashuarat Negeri pada hari Khamis yang baru lalu.

Walau bagaimana pun kata Yang Berhormat, jika penghantaran guru2 tersebut tidak menjejaskan kesuntokan guru2 di-seluroh negeri maka pertimbangan juga akan di-buat



YB. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Hj. Mohd. Jamil

dan ini tertaklok-lah kapada beberapa penelitian saperti kelamaan perkhidmatan dan kelayakan para pemohon termasok taraf Bahasa Inggeris bagi memudahkan mereka belajar di-U.K.

Apa jua permohonan yang tidak berjaya untok melanjutkan pelajaran dalam peringkat ijazah B. Ed. ada-lah di-sebabkan lain2 penelitian dan ini bukan bermakna penghantaran itu di-berhentikan langsong, jelas Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.



YB. Pg. Ismail

## Tawaran baiki Jalan ka-Batang Duri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tawaran untok membaiki jalan Bangar hingga ka-Batang Duri yang sa-panjang enam batu telah pun di-terima baru2 ini ia-itu pada bulan September lepas. Manakala kerja2 awal telah di-mulakan dan sa-terus-nya kerja itu akan di-sambong di-tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Pg. Ismail bin Pg. Haji Damit menjelaskan ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abd. Rahim dalam sidang Majlis Mashuarat Negeri pada hari Khamis yang baru lalu.

Berhubong dengan pembenaan jambatan yang menyeberangi Sungai Senukoh, Mukim Labu, di-Daerah Temburong, Yang Berhormat Pg. Ismail menyatakan tawaran untok projek tersebut telah di-terima pada bulan Oktober tahun ini. Sementara kerja2 awal sedang di-laksanakan dan ia-nya akan dapat di-siapkan dalam tahun 1983.

Mengenai dengan kelambatan pemasangan bekalan letrik ka-kawasan2 di-sepanjang jalan Batu Apoi dan Labu Estate, Yang Berhormat itu menjelaskan ia-nya ada-lah di-sebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat di-elakkan.

Antara-nya keadaan tanah yang tidak begitu sesuai bagi pemasangan tiang2 letrik, kelambatan pekerja2 yang di-datangkan dari luar negeri, barang2 dan bahan2 agak lambat di-datangkan. Tetapi walau bagaimana pun tarikh yang baru bagi menyiapkan pembekalan letrik kawasan itu ia-lah pada bulan Mei, 1983.

## "Quality Control" belum di-perlukan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-bagai negara yang bukan pengeluar barang2 pusat, kawalan 'Quality Control' belum-lah di-perlukan di-negeri ini buat masa ini. Walau bagaimana pun, pengawasan kerja2 pemborong kawalan kapada bahan2 dan kerja2 yang di-buat oleh pemborong2 telah lama di-adakan di-Brunei oleh jabatan2 yang berkena ia-itu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan2 Letrik dan Jabatan Talikom.

Yang Berhormat Pg. Ismail bin Pg. Haji Damit memberi tahu Dewan ketika menjelaskan pertanyaan dari Yang Berhormat Awg. Hj. Abd. Latif dalam sidang Majlis Mashuarat Negeri pada hari Khamis yang baru lalu, yang ingin tahu bila-kah Kerajaan akan mengadakan pusat2 quality control dan juga pusat perkembangan permodalan.

Pehak Jabatan Kerja Raya, jelas Yang Berhormat, ada mempunyai makmal-nya untok membuat ujian2 yang tertentu bagi mempastikan quality control yang baik dan berkesan dalam tiap2 projek yang ada pada masa ini.

Yang Berhormat Pg. Ismail menyatakan pusat perkembangan permodalan dari segi Undang2 Lembaga Kemajuan Ekonomi mempunyai tugas bagi memperkembangkan permodalan dan oleh itu dari segi teori-nya kita telah pun mempunyai pusat perkembangan permodalan tersebut.

Juga soalan dari YB Awang Haji Abd. Latif. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja, Dato Laila Utama Awg. John Lee menjelaskan pelaboran di-seberang laut pada 31hb. Disember 1981 berjumlah $18,739,179,884. Dan pendapatan yang di-perolehi dari hasil pelaboran yang tersebut pada tahun yang berkenaan berjumlah $558,974,746.

## Undang2 Perkapalan Perdagangan di-gubal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah menggubal satu undang2 yang di-namakan Undang2 Perkapalan Pedagang.

Tujuan undang2 itu ia-lah untok membolehkan pendaftaran kapal2 membuat peruntokan bagi keselamatan kapal2 tersebut dan penambangan2 di-dalam-nya. Bahagian 4 undang2 itu menyebutkan yang membolehkan kapal2 yang di-gunakan di-perayeran2 Brunei untok di-daftarkan.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr Awang Haji Johar berkata ketika menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Pehin Datu Pekerma Dewa Awg Haji Abdul Rahim bin Akim yang ingin tahu ada-kah Undang2 Perkapalan telah di-laksanakan.

Menurut peruntokan 96 Rang Undang2 itu, kata Yang Berhormat Dr. Awg. Haji Johar, kapal2 boleh di-beri lesen sa-telah ia-nya di-dapati bersesuaian untok di-gunakan oleh Pengarah Jabatan Laut dan tertaklok-lah kapada sharat-nya.

Menurut peruntokan 102, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mashuarat Negeri boleh membuat peruntokan2 bagi pengurusan dan perja-



YB Dato Paduka Dr. Hj. Johar.

lanan kapal2 yang di-lesenkan di-Brunei umpama-nya pengawalan terhadap penyewaan kapal2, keselamatan penumpang2 dan harta benda.

Kata Yang Berhormat lagi, bahagian 5 pula memperuntokkan bagi pengkalan pelanggaran2 di-laut dan menurut peruntokan 103, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peruntokan2 bagi pengkalan pelanggaran yang mana semua pemilek kapal di-Brunei hendak-lah mematohi peratoran2 tersebut.

Sa-telah Rang Undang2 itu di-persetujui dan di-luluskan, rang peratoran2 mengenai lalu-lintas di-Sungai Brunei terutama sekali motor2 sangkut boleh di-sediakan saperti yang di-kehendaki menurut kuasa2 yang di-berikan oleh undang2 itu.

# "UBAH SEGERA" — Perlihatkan kemam






Sa-belum berangkat menyaksikan latehan sa-chara dekat Kebawah DYMM dan adinda2 Baginda telah di-berikan taklimat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud (atas).

Baginda menerima penerangan mengenai dengan salah satu senjata yang di-gunakan di-dalam latehan itu (kiri).

Kebawah DYMM serta YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah memerhatikan peluru2 yang di-gunakan oleh kereta perisai Scorpion di-dalam latehan itu (bawah kiri).

"UBAH SEGERA" — satu latehan tentera besar2an yang melibatkan lebeh daripada 1,300 orang perajurit telah berjaya menampakkan kemampuan pasokan keselamatan kita pada menjaga dan menjamin kedudokan keselamatan dan ketenteraman negara dan isi di-dalam-nya.

Kesunggohan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-dalam menyediakan perajurit2 yang matang dan terlateh tentu sa-kali dapat di-cherminkan dari latehan yang penoh terator ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang di-iringi oleh adinda2 Baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah telah berkenan berangkat menyaksikan latehan gempur ini.

Latehan ini di-adakan di-dua daerah — Tutong dan Temburong dan tempat pertama di-kunjongi Kebawah DYMM ia-lah di-padang tembak Binturan di-mana Baginda dan rombongan telah berkesempatan menyaksikan pertunjokan tembakan yang di-lancharkan dari kapal2 Angkatan Laut yang terdiri dari KDB Seteria, KDB Puni dan tiga buah kapal yang lain.

Di-atas kapal KDB Puni, sa-buah kereta perisai Scorpion telah di-tempatkan dan membuat tembakan ka-daratan yang dengan sendiri-nya menunjokkan yang ia-nya boleh di-gunakkan untok memusnahkan sasaran di-daratan di-dalam kedudokan yang tidak tetap akibat alunan ombak.

Dua buah pesawat helikopter Bell 212, Chawangan Udara AMDB kemudian-nya membuat tembakan kapada sasaran-nya untok memberikan bantuan, dan ini di-ikuti dengan tembakan roket dari pesawat helikopter Bolko dan tembakan2 daripada Pasokan Meriam Katak dan tembakan bantuan langsong dari tiga buah kereta perisai Scorpion. Baginda dan rombongan telah juga berangkat untok menyaksikan serangan tentera berjalan kaki terhadap kedudokan pehak musoh.

Dari sini Baginda dan rombongan sa-terus-nya berangkat untok memerhatikan kedudokan pertahanan pehak pengawal keselamatan di-mana sa-tiap strategi di-renchanakan dan sa-terus-nya meninjau kedudokan2 pertahanan yang lain serta menyaksikan jenis2 senjata yang di-gunakan.

Sa-baik2 saja pertunjokan latehan2 di-padang Tembak Binturan berakhir, Kebawah DYMM dan r
telah berangkat ka-Daerah T
dengan menaiki pesawat
yang di-pandu oleh Baginda

Turut mengiringi Keb
Baginda dan rombongan
Camp itu termasok-lah P
AMDB Brigadier J.P.W F
dan Timbalan Pemerint
Berhormat Pehin Orang
Dewa Kolonel Dato Seri Pah
Mohammad bin Haji D
pegawai2 kanan AMDB.

Keberangkatan Bagi
Perkhemahan Bangar petan
di-alu2kan oleh Yang D
Pehin Orang Kaya Laila P
Kol. Dato Paduka Awang Ha
bin Dato Paduka Haji Basir.

Kemudian-nya Baginda
bongan telah di-berikan tak
pegawai yang berkenaa
latehan itu di-dalam lima pe
telah pun di-atorkan sa-cha
ingan yang di-jayakan bers
Batalian Pertama, Cha
Perayeran, Angkatan L
Skuadron Peninjau.

Mula2 sa-kali Baginda d
bongan telah menyaksikan k
tahanan sekitar perkh
tersebut. Ini di-ikuti kem
dengan pertunjokan oleh Y
bahagian Muslihat Terjun P
Lintas Udara di-kawasan Pad
bak perkhemahan tersebut.

Sa-lepas itu Baginda dan ro
berangkat dengan pesawat h
menuju Labu Besar dalam p
ka-Bukit Raja untok me
pertunjokan tindakan serang
ta merta oleh D Kompeni
kedudokan musoh yang
berkubu di-Bukit Raja di
Piasau2.

Pertunjokan serang hend
bantu oleh dua buah ker
Scorpion dan sa-buah heliko
mengangkut anggota2 tent
konon-nya mendapat kec
dalam serangan tersebut.

Kemudian DYMM Pad
Baginda Sultan dan Yang D
dan Paduka2 adinda Bagind
menyaksikan pertunjokan se
dap di-kawasan perayer
Labu. Dalam pertunjokan i
dan rombongan telah bera
chemar Duli menaiki bot je
Di-sini Baginda Sultan te
menyaksikan kechekapan
tentera yang mengambil
dalam melakukan gerakan d
kawasan perayeraan dengan
oleh sa-buah pesawat he
Bolkow yang lengkap denga
bak roket serta beberapa
tentera.







# uan tentera kita

Laporan : AHMAD GHAZALI HAJI TENGAH
TIMBANG BAKAR
SHADOON LAMZI

Gambar2 : AK ABU BAKAR
PG. YAAKUB
AK BAHAR
HARUN RASHID





Baginda serta adinda2 Baginda telah juga berkesempatan menaiki dan menembak senjata2 yang di-lengkapkan di-dalam kereta perisai Scorpion. Kelihatan Baginda (atas) menerima penerangan berkenaan dengan tembakan dan sasaran kereta perisai itu. (Kiri), ia-lah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.





KETIGA2 gambar ini — atas, bawah dan sebelah kanan memperlihatkan gerakan anggota2 tentera kita dalam latehan UBAH SEGERA ini yang menggunakan pesawat helikopter.



# Bank yang baik dapat penohi keperluan masharakat

BERAKAS. — Bank yang di-anggap baik ia-lah yang mempunyai kesedaran dan tanggong-jawab yang mendalam untok menyahut dan memenohi keperluan dan aspirasi masharakat dan negara.

Bagi orang ramai pula, sa-sebuah bank yang baik itu akan mudah di-bawa berunding, memikirkan masaalah2 mereka dan lebeh2 lagi mempunyai kakitangan yang bersopan-santun dan peramah.

Isteri YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Datin Edah bte Haji Mohd. Noor menyatakan demikian sa-jurus sa-belum merasmikan Bank Nasional Brunei Berhad, Chawangan Berakas di-Bangunan Seri Lambak di-sini pada hari Khamis lepas.

Kata-nya, sa-bagai sa-buah bank yang terkemuka, Bank Nasional harus-lah terus bergerak ka-arah mutu perkhidmatan dan kesediaan-nya terhadap keperluan2 urusan bank, bukan saja bagi badan2 perniagaan bahkan juga bagi orang perseorangan.

"Ada-lah di-harapkan, orang ramai terutama-nya yang tinggal di-kawasan Berakas akan mengambil kesempatan untok menggunakan perkhidmatan2 dan kemudahan2 bank yang telah di-sediakan dengan sebaik2-nya kerana, Bank Nasional Brunei Berhad sa-bagaimana yang di-ketahui sumbangan-nya bagi perkembangan perusahaan bank, dan Negeri Brunei am-nya memang tidak di-sangkal lagi," ujar Datin Edah.

Pengerusi Bank Nasional Brunei Berhad, Yang Dimuliakan Pehin Dato Bendahari China Bandar Bandar Seri Begawan, Dato Khoo Ban Hock, ketika memberi uchapan alu2an-nya menjelaskan, bahawa dalam masa hampir dua dekad, Bank Nasional Brunei Berhad telah sentiasa meneroka kabidang2 perkhidmatan dan kemudahan2 baru yang bertujuan untok keselesaan para pelanggan serta kemajuan urusan bank, saperti menyediakan urusan2 bank di-luar bandar.

Dengan demikian, jelasnya, tertuboh-lah Bank Nasional, Chawangan Berakas yang sudah lama di-hasratkan tetapi kerana ketiadaan tempat yang sesuai, baru-lah pada 26hb. Oktober 1982 chawangan ini di-mulakan urusan-nya di-Bangunan Seri Lambak.

"Bank Nasional bukan saja memberikan keutamaan kapada kakitangan-nya, bahkan bertanggong-jawab memainkan peranan-nya di-dalam ekonomi Brunei, lebeh2 lagi ketika Brunei berada di-ambang kemerdekaan-nya dalam tahun 1983," kata-nya lagi.

Bank tersebut ada-lah merupakan chawangan yang ke-11. Ia di-perlengkapkan dengan berbagai kemudahan dan berkemungkinan akan menyediakan urusan bank berkomputer. — ZHS.



# Hadiah penghormatan puisi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Ahmad bin Haji Munchong dengan antoloji puisi-nya yang bertajok "Tanah Ayer Ku" berjaya merebut hadiah penghormatan pertama di-dalam peraduan menulis puisi kanak-kanak 1982.

Beliau ada-lah merupakan di-antara tujoh peserta yang memenangi peraduan ini dan antoloji yang beliau hantarkan ada-lah merupakan daripada 32 karya yang di-hadapkan oleh penulis2 tanah ayer untok di-pertandingkan.

Ini ada-lah merupakan peraduan yang julong2 kali di-adakan di-negeri ini.

Munchol di-tempat kedua ia-lah Awang Hidop bin Md. Zain dengan karya beliau yang bertajok "Kikik Tabur Lama" dan Awg Yusof bin Ladi dengan puisi beliau yang bertajok "Erti Kemerdekaan" berjaya merebut tempat ketiga. Pemenang pertama menerima hadiah $2,000, kedua $1,500 dan ketiga $1,000.

Penerima2 hadiah penghargaan yang bernilai $500 ia-lah Awg. Alimin Hj. Abdul Hamid (Lompat Belalang Terbang Belalang), Awang Muhammad Abdul Latiff, (Laju Perahu Laju), Awg. Haji Samat Hj. Jamahat (Hujan Rintek-rintek) dan Pengiran Aji Pg Haji Md Tahir (Perintis Puisi).

Kesemua karya yang di-hantar ini mengandongi di-antara 20 hingga 30 buah puisi dan laporan penal hakim menunjokkan yang pada umom-nya semua puisi yang di-pertandingkan menepati tujuannya di-hasilkan, ia-itu untok di-nekmati oleh kanak2 dalam lingkongan 6-12 tahun.

Penal hakim terdiri daripada Awang Metussin bin Omar, Awang Haji Md Jali bin Abdul Latif, Awang Abd Hakim Mohd Yassin dan Dayang Mahaya Mohd Yassin.

Sementara itu, keputusan peraduan menulis sajak (antoloji) telah juga turut di-umomkan pada hari Selasa lepas di-dalam majlis yang bertempat di-Dewan Bahasa dan Pustaka itu.

Tidak ada pemenang di-tempat pertama, tetapi hadiah penghormatan kedua di-terima oleh Pengiran Haji Mohammad Pg Haji Abdul Rahman dengan antoloji beliau yang berjodol Tanah Ayer, ketiga ia-lah Awang Haji Hashim Haji Abdul Hamid dengan antoloji-nya Rakaman Sebuah Wasiat dan Awang Brahim Ampuan Haji Abd Hamid dengan antoloji beliau Raungan Katak.

Hadiah penghargaan di-berikan kapada Pengiran Sabtu Pg Haji Mohd Salleh dengan antoloji sajak beliau Dunia Di-Sini, Awang Muhammad Abdul Latiff (4 Chatetan), Awg Alimin Haji Abd Hamid (Mata) serta Awang bin Ahmad (Hanya Untukmu).

Penal Hakim ada-lah terdiri daripada Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Awang Haji Badaruddin Pengarah Haji Othman, Awang Haji Abdul Aziz Juned dan Awg Kamaruzzaman Abd Kadir.

Kedua2 pertandingan ini ada-lah anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka.—SL.



PENGIRAN Badaruddin bin Pengiran Ghani kelihatan mendengarkan penerangan dari penal hakim di-dalam peraduan menulis sajak (antoloji) di-satu majlis bertempat di-Dewan Bahasa dan Pustaka.

# Sikap sambil lewa di-kesali

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 Kemajuan Kerjasama menyesali sikap sambil lewa dan tidak sunggoh2 sa-bilangan ahli2 sharikat kerjasama di-negeri ini terhadap usaha untok memaju dan menstabilkan sharikat2 mereka.

Pegawai2 berkenaan yang telah di-undang untok merasmikan dua mashuarat agong berasingan kechewa sekali bila mendapati kurang-nya bilangan ahli yang hadhir dan menyebabkan mashuarat terpaksa di-tunda kerana korum tidak menchukopi.

Penolong Pesurohjaya Kerjasama, Awang Haji Abdul Hamid bin Rahmat yang merasmikan Mashuarat Agong bagi Sharikat Kerjasama Pegawai2 Rendah Kerajaan yang berlangsong di-Bilek Bachaan Pusat Belia di-sini menyatakan hanya 19 daripada 120 orang ahli menghadhiri mashuarat tersebut.

Kata-nya bilangan tersebut ada-lah tidak menchukopi korum yang di-persharatkan oleh undang2 buat membuat sa-suatu keputusan dan apa yang hanya dapat di-jalankan ia-lah mendengar usol dan chadangan yang di-kemukakan oleh ahli2 yang hadhir.

Menurut beliau, jika hal itu berlanjutan pehak kerajaan akan kechewa kerana segala usaha dan perbelanjaan bagi memajukan sharikat demi meningkatkan ekonomi ahli2-nya telah tidak di-hargai oleh sa-bahagian besar ahli2 itu sendiri.

Penolong Pesurohjaya tersebut selanjut-nya menyeru semua ahli2 yang berkenaan agar segara menyedari akan perlu-nya kehadhiran mereka dalam setiap mashuarat yang di-adakan jika mahukan sharikat mereka terus ujud. Kata-nya sa-tiap kunchi kira2 tahunan sharikat sa-panjang tahun mesti-lah di-bentangkan dalam Mashuarat Agong untok pertimbangan dan pengesahan ahli2.

Tambah-nya kalau pun bilangan yang hadhir menchukopi korum tetapi kalau bilangan-nya kechil bermakna golongan yang kechil berkuasa membuat keputusan ka-atas golongan yang besar dan risikonya kalau golongan kechil itu tidak jujor sharikat akan menerima akibat yang burok.

Di-samping menyesali sikap tidak achoh kalangan ahli2 terhadap peranan mereka dalam sharikat, Pegawai Kerjasama Awg. Harun bin Hj. Ismail yang merasmikan satu lagi mashuarat di-minggu yang sama di-Kampong Parit Temburong juga memperdas tabiat tidak memperdulikan konsep kerjasama para ahli.

Mereka senghaja menyulitkan perkembangan sharikat dengan menanggoh2 waktu untok menjelaskan hutang dan bila ini terjadi modal yang di-harapkan bagi membesarkan sharikat jadi beku dan ini menyebabkan kebanyakan sharikat2 di-negeri ini mati tanpa anak.

Kata-nya, kalau-lah ahli2 mahu menyedari hasrat kerjasama dan mengikis perangai tradisi 'malas memikirkan apa2', tentu kita akan chepat sa-ganding dengan orang2 luar.

# PEMUDA2 DI-PELAWA MASOKI REKRUT PULIS

JALAN MUARA. — Pasokan Polis Diraja Brunei mempelawa warga negara Brunei yang terdiri dari belia2 untok berkhidmat sa-bagai rekrut Polis.

Sharat2 yang di-kehendaki bagi memasoki pasokan polis ia-lah sa-tiap pemohon mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, bujang atau pun kahwin serta mempunyai badan yang sehat dan tinggi tidak kurang 5' 2"; kelulusan mesti-lah darjah VI Melayu atau pun Inggeris. Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang mempunyai kelulusan yang lebeh tinggi.

Pemohon2 yang berjaya di-dalam temu-duga akan menjalani latehan asas bertempat di-Pusat Latehan Polis, Jalan Muara, selama 6 bulan yang akan bermula awal bulan Januari tahun depan.

Sa-masa dalam menjalani latehan mereka akan menerima gaji dan aloan sa-banyak $475.00. Sa-telah tamat menjalani latehan mereka akan menerima gaji dan aloan sa-banyak $580.00. Sa-telah menyambong perkhidmatan mereka yang sa-lama tiga tahun, mereka akan di-hadiahkan dua bulan gaji bagi penggal pertama.

Belia2 yang ingin untok berkhidmat dengan Pasokan Polis Diraja Brunei boleh-lah datang ka-balai2 polis yang berdekatan untok di-temu-duga oleh pegawai2 pengambilan pada tarikh dan waktu yang te-lah di-tetapkan atau pun datang terus ka-Pusat Latehan Polis di-Jalan Muara pada bila2 masa waktu bekerja.

Balai Polis Bandar Seri Begawan pada 9hb. Disember mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 tengah hari dan sa-belah petang mulai jam 2.00 petang hingga 4.30 petang.

Balai Polis Tutong pada 9hb. Disember mulai 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. Balai Polis Seria pada 13hb. Disember mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. Balai Polis Kuala Belait pada 13hb. Disember mulai jam 1.30 tengah hari hingga 4.30 petang.

Balai Polis Lamunin pada 14hb. Disember mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. Balai Polis Sungai Liang pada 15hb. Disember mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan Balai Polis Temburong, Pekan Bangar, pada 16hb. Disember mulai jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

## Kursus bagi pemandu kereta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Latehan, Pejabat Perjawatan, Jalan Kumbang Pasang akan mengadakan kursus bagi "Pemandu2 Kereta Orang2 Kenamaan," selama 2 hari bermula pada 13hb. hingga 15hb. Disember, 1982 depan.

Sa-ramai 16 orang Pemandu2 Kereta Orang2 Kenamaan di-jangka akan mengikuti kursus tersebut.

Pensharah2 yang akan memberikan cheramah dalam kursus itu nanti ada-lah terdiri dari beberapa orang pegawai2 di-Jabatan Kerajaan.

## Jadual Ayer Pasang Surut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Laut di-sini telah mengeluarkan Jadual Ayer Pasang dan Surut bagi perayeran Malaysia, Singapura dan Brunei bagi tahun 1983.

Buku Jadual itu sekarang boleh di-beli dengan harga $7.00 sa-naskah di-Jabatan Laut, H.H. Bangunan Kastam, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan atau dari Pejabat Laut, Jalan Sungai, Kuala Belait.

Buat pengetahuan pembeli2, bahawa ramalan tinggi ayer pasang pada tiap2 jam di-Tambatan Muara, Brunei bagi tahun hadapan telah di-chetak di-dalam Buku Jadual Ayer Pasang tersebut di-muka 18, 19, 20, 21, 22 dan di-muka 23.



Y. B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Haji Mohd Zain.



Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awg Haji Abdul Hamid.

## Hadhiri Persidangan di-Jakarta

BERAKAS. — Dua orang Pegawai Kanan Kerajaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal hari ini berlepas ka-Jakarta, Indonesia untok menghadhiri Persidangan Majlis Masjid Sa-Dunia Kawasan Asia Pasifik.

Persidangan tersebut akan berlangsong sa-lama enam hari mulai dari 10hb Disember ini di-ibu negara Indonesia itu. Wakil dari Brunei itu di-jangka akan membentangkan kertas kerja yang bertajok "Permasaalahan Islam Sa-Masa Di-Brunei Dan Peranan Masjid Mengenai-Nya."

## Jenis2 kream muka yang di-haramkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 15 jenis Kream Muka yang di-dapati mengandongi banyak raksa dan pelumbum (mercury and lead) telah di-haramkan di-Malaysia.

Kream2 tersebut ada-lah saperti berikut: Dragon Seed Pearl Cream, Odace Cream, Arche Pearl Cream, Formula A, U.B. Pearl Cream, Green Dragon Cream, Ching Lon Pearl Nourishing Cream, Kuan Im Pearl Beauty Cream, Bracor Face, Toreru Pearl, Toreru Bamboo, Sang Ing Face, U.E. Cream, Fair Cheek Pearl, dan Beanne Extra Pearl Cream (green pack).

Sa-bagai tambahan bagi jenis2 Kream muka tersebut orang ramai di-negeri ini ada-lah di-beri amaran mengenai dengan penggunaan Kream2 muka saperti berikut yang juga di-dapati mengandongi banyak bahan raksa.

Kream2 tersebut ia-lah, Fair Lady, Universal, Leaving Pearl Cream, Alladin 37, First, Hwan Mee Cream, dan Domo Royal Special Pearl Cream.

Kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan kini sedang menjalankan pemereksaan ka-atas kedai2 dan pasar ria di-seluroh negeri.

## Pemereksaan chontoh darah

BANDAR SERI BEGAWAN. —Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan telah mensenaraikan jadual2 bagi pengambilan chontoh2 darah untok pemereksaan malaria bagi pendudok2 di-beberapa buah kampong di-Daerah Temburong.

Kg Senukok 8hb Dis, Kg Temada, Semabat 9hb Dis, Kg Bukok 11hb Dis, Kg Rataie 13hb Dis, Kg Lepong Lama, Lepong Baru, Kenua 14hb Dis, Kg Belais dan Buda2 15hb Dis, Kg Sematang, Bekarut, Meniup 16hb Dis, Batang Duri, Sibut, Amo 'A' dan 'B' 18hb Dis, Kg Subiling 20hb Dis, Kg Selangan 21hb Dis, Ulu Biang, Biang Tengah 22hb Dis, Kg Parit 23hb Dis, Kg Puni dan Hujong Jalan 27hb Dis, Kg Sungai Radang, Sibatang 29hb Dis, dan Kg Batu Apoi 20hb Dis, 1982.

## Jalankan tugas Ketua Kg

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan Awang Chuchu bin Haji Ibrahim untok menjalankan tugas Ketua Kampong Sungai Besar, di-Daerah Brunei-Muara mulai 1hb Oktober, 1982.

Awang Chuchu akan menjalankan tugas tersebut sa-hingga Ketua Kampong Sungai Besar yang tetap di-lantek.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak mulai dari 8hb. hingga 11hb. Disember

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 8.12.1982 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 8.12.1982 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 8.12.1982 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu A.H.M.Y. Kati Mahar | 11.12.1982 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 11.12.1982 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Mulaut | 11.12.1982 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 11.12.1982 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 11.12.1982 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 11.12.1982 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |

**Maaluman :**

Sa-panjang chuti persekolahan, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak di-tiadakan.

## Ketetapan harga kereta

UNTOK panduan dan ma'aloman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini bahawa Pengawal Harga baru2 ini telah bersetuju menurunkan harga kereta bagi dua buah Sharikat ia-itu Sharikat N.B.T. dan Sharikat Boustead Marketing & Management Services dengan susunan harga saperti berikut:—

**SHARIKAT BOUSTEAD MARKETING & MANAGEMENT SERVICES**

| JENIS KERETA *(Type of Cars)* | HARGA JUALAN *(Showroom Selling Price)* | HARGA JUALAN PENOH *(Selling Price On The Road)* |
|---|---|---|
| NISSAN SUNNY 1.3 STD.<br>Model : B11 SUL (1300 cc)<br>Radio, door mirror, safety belt, radial tyre, headrest | $ 9,350.00 | $ 9,864.00 |
| NISSAN SUNNY 1.3 S/WAGON<br>Radio, door mirror, safety<br>Model : WB11 UHW1 (1300 cc)<br>gelts, radial tyre, headrest | $10,100.00 | $10,688.00 |
| NISSAN SUNNY 1.3 GL<br>Model; B11 UCGL (1300 cc)<br>Air-condition, radio, cassette player, door mirror, safety belts, radial tyre, AB-Bumper, headrest | $11,500.00 | $12,066.00 |
| NISSAN SUNNY 1.5 GL (Manual)<br>Model : HB11 FUBCGP (15 cc)<br>Air-condition, radio, cassette player, door mirror, safety belts, radial tyre, AB-Bumper, headrest, power steering, 5-speed gear | $12,500.00 | $13,122.00 |
| NISSAN SUNNY STATION WAGON<br>Model : WHB11 UBCGP (1500 cc)<br>Air-condition, power steering, radio, cassette player, door mirror, safety belts, radial tyre, AB-Bumper, headrest | $13,100.00 | $13,806.00 |
| NISSAN SUNNY 1.5 GL (Automatic)<br>Model : HB11 AUBGP (1500 cc)<br>Air-condition, power steering, radio, cassette player, door mirror, safety belts, radial tyre, AB-Bumper, headest, auto transmission | $13,300.00 | $13,948.00 |
| NISSAN SUNNY 1.5 GL COUPE<br>Air-condition, power steering, radio, cassette player, door mirror, safety belts, radial tyre, AB-Bumper, headrest, 5-speer gear | $13,900.00 | $14,621.00 |

**SHARIKAT N.B.T.**

| JENIS KERETA *(Type of Cars)* | HARGA JUALAN *(Showroom Selling Price)* | HARGA JUALAN PENOH *(Selling Price On The Road)* |
|---|---|---|
| TOYOTA CELICA SUPRA<br>Model : MA61R — BLMOFW<br>Air-condition, AM/FM MPX 3P radio, stereo auto, reverse 3SP, seat belts, radial tyre, RR. window defogger, heavy mud guard with tyre-combi, motor antenna, RR. window wiper (intermittent), door mirror 2PCS. etc. | $24,800.00 | $25,915.00 |
| TOYOTA TERCEL 5-DOOR DELUXE<br>Model : AL20R — ZHMDS<br>Air-condion, AM radio, radial tyre, seat belts, quartz clock, headrest, RR .window defogger std, Fr. wiper intermittent, etc. | $11,900.00 | $12,546.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Perancangan Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan, mana2 ejen kereta yang telah menyalahgunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEMANDU KERETA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untok di-lantek sebagai PEMANDU KERETA TINGKAT KHAS di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membacha.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sabagai Pemandu sekurang2-nya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripada-nya sa-bagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu kelas III dan V yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kechil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebehan.

'Am :

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas bila2 masa di-kehendaki diluar masa pekerjaan biasa atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift). Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas di-mana2 saja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

E. 2 EB. 3 — $470-$605 sa-bulan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Disember, 1982.

(E/105/78)

(Bil: 338/1982)

## RANCHANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN PERENGKAT II — KERJA2 TANAH DAN INFRASTRUKTUR

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong2 Kelas 'A' sa-hingga hari Isnin 13hb Disember 1982, jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah—

RANCHANGAN PERPINDAHAN / PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN PERENGKAT II — KERJA2 TANAH DAN INFRASTRUKTUR.

Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang tertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK RANCHANGAN PERPINDAHAN / PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN PERENGKAT II — KERJA2 TANAH DAN INFRASTRUKTUR.

Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh di-lihat dan di-dapati dari:—

JABATAN PERPINDAHAN,
d/a, C9, Jalan Dato Isa,
Brunei

mulai dari hari Rabu 1hb Disember 1982 sa-hingga hari Sabtu 11hb Disember 1982, jam 4.00 petang.

Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $10,000.00 (Sa-puloh Ribu Brunei Dollars Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bone fide tender).

Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pem-
Bandar Seri Begawan,
borong2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a. Pendaftaran yang sah di-Jabatan Kerja Raya dalam kategori pemborong Kelas 'B'.

b. Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjokkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sa-banyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## NOTIS TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagi menchetak majallah kanak-kanak, MEKAR dengan menggunakan sistem lithografi untok Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

1. Penentuan2 (specifications) untok menchetak majallah ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

2. Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat biasa yang bertutop dan di-buboh perkataan2 "Tawaran Menchetak Majallah Mekar" di-bahagian atas sebelah kiri sampul surat.

3. Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam peti tawaran yang terletak di-luar pejabat Pegawai Kewangan Negara di-tingkat bawah Bangunan Jabatan Setiausaha Kerajaan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 20hb Disember 1982.

4. Kerajaan tidak terikat kapada mana2 atau tawaran yang paling rendah.

## Sa-bagai Timbalan Pendaftar Beranak dan Mati

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TIMBALAN PEN. DAFTAR BERANAK DAN MATI di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus sekurang2-nya 5 mata-pelajaran Perengkat 'O' atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai kelulusan yang lebeh tinggi.

b) Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun akan juga di-pertimbangkan.

c) Mempunyai pengalaman pendaftaran atau pernah berkhidmat dalam jawatan2 perangkaan merupakan suatu kelebehan.

'Am :

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok menjalani kursus di-seberang laut.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Disember, 1982.

(E/339/63)

(Bil : 344/1982)

BRUNEI

## B.S.P. Tender Notice No. SSU 21/82

Item 1 — Approx. 5800 kgs. Various Brands and Sizes of Welding Rods and Metal Spraying Wire.
Item 2 — 19 Pcs. Upper Pack-Off Assy 'G' 3.
Item 3 — 4 Pcs. Turn and Slip Indicator (For S61N Helicopters) Part No. A1400.
Item 4 — 16 Pcs. Equal Tee SS 316, SCH.
Size : 4" x 4" x 4"
150 Pcs. Galvanised Shackle ½ Inch.
Item 5 — 1 Lot A Selection of Spare Parts for Unitrane Fan Coil Unit, McQuay Evaporating Unit Cooler, Arkla Servel Chiller Unit, Honey Well Ventilating and Airconditioning Control Unit, Emerson Condensor Fan Motor.
Item 6 — 1 Lot Various Parts for Halliburton ementing Pump. Type : HT-400.
Item 7 — 1 Lot Various Parts for Hifix Positioning System.
Item 8 — 1 Lot 30 Pieces Adaptor JIC CS 3½ In.
22 Pieces Dust Cap Aeroquip 1 In.
11 Pieces Snatch Block 40 mm, 910 kg.
Item 9 — 1 Lot Various Parts for Graco Fast Flo Pump.
Item 10 — 1 Lot Various Parts for Grove Valve, Texteam Relief Valve, Mission Duo Check Valve and Electrical Operated Rotor Actuator.

Note : The following items may be viewed at SSU/24 Main Warehouse, Seria.

1. The closing date for receipt of Tenders shall be 1600 hours on 23rd December, 1982. Tenders should be addressed in sealed envelopes to :—
Supplies Superintendent,
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
Seria,
State of Brunei.
"Endorsed : B.S.P. Tender Notice No. SSU 21/82".

2. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the tenderer of all the terms of tendering. All other terms of tendering are as usual and can be obtained on request at the SSU/15 office.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN2 LETRIK

**TAWARAN BIL. 137/1982**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, Isnin, 27hb Disember, 1982 bagi membekalkan barang sebut di-bawah:—

PEMBEKALAN PERAKAS2 PENERANGAN.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Perkhidmatan2 Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Chengkeram (deposit) untok tawaran ini ada-lah $300.00.

**SERIAL No. 138/1982**

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan from Registered Grade A and B Air Conditioning Contractors up until on Monday 13th December, 1982 for the:—

AIR CONDITIONING, VENTILATION AND COLD ROOM INSTALLATION FOR COOPERATIVE DEVELOPMENT GENERAL STORE AND SUPPLIES DEPARTMENT GADONG, BRUNEI.

Tender deposit is $200.00.

Tender documents, condition and all particulars can be obtained at the office of the Building Services Sections, Electrical Services Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**TAWARAN BIL: 139/1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari pemborong2 pemasangan Letrik yang berberdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 13hb Disember, 1982 bagi kerja2 berikut:—

MENDIRIKAN TIANG2 'TUBULAR' BESI, 'STAY RODS', DAN G.I. PIPE STRUT DI-KAMPONG BEBULOH DAN BATANG MITUS, LAMUNIN, TUTONG .

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan di-adakan pada 9hb Disember, 1982, pukol 3.00 petang, di-Bilek Persidangan Jabatan Perkhidmatan2 Letrik. Jabatan Perkhidmatan Letrik ada-lah berhak untok menolak sa-barang tender yang tidak menghadhiri perjumpaan tersebut.

Chengkeram (deposit) untok tawaran ini ada-lah $300.00.

**TAWARAN BIL. 132/1982**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 13hb Disember, 1982 bagi membekalkan barang yang tersebut di-bawah:—

TAWARAN UNTOK PEMELIHARAAN KAWASAN GADONG POWER STATION

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Chengkeram (deposit) untok tawaran ini ada-lah $1000.00.

**TAWARAN BIL. 141/1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 15hb Disember, 1982 bagi kerja2 berikut:—

PEMASANGAN LETRIK UNTOK DEWAN RIA DAN KEDAI SEKOLAH MELAYU S.U.A.S., MUARA, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $100.00.

**TAWARAN BIL. 142/1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari pemborong2 pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 13hb Disember, 1982 bagi kerja2 berikut:—

PEMASANGAN LETRIK UNTOK SEKOLAH MELAYU DI-KAMPONG SERASA, MUARA.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $300.00.

**TAWARAN BIL. 143/1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 20hb Disember, 1982 bagi kerja2 berikut:—

PEMASANGAN LETRIK UNTOK 1 BLOK 12 YUNIT BAREK DAN 1 BLOK 12 YUNIT LETAK KERETA DI-LOJI PERAWATAN AYER, KAMPONG SUMBILING, TEMBURONG, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $100.00.

**TAWARAN BIL. 144/1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B', yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20hb Disember, 1982 bagi kerja2 berikut : —

PEMASANGAN LETRIK UNTOK 11 BLOK 2 YUNIT PERUMAHAN KELAS "G" DI-PERKHEMAHAN A.M.D.B., BERAKAS, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $200.00.

**TAWARAN BIL. 145/1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 20hb Disember, 1982 bagi kerja2 berikut:—

MENDIRIKAN TIANG2 "TUBULAR" BESI 28 KAKI "STAY RODS", DAN G.I. PAIP STRUT DI-KAMPONG MUNGKUM, LAMUNIN, TUTONG.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Perkhidmatan2 Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan di-adakan pada 16hb Disember, 1982, pukul 3.00 petang, di-Bilek Persidangan Jabatan Perkhidmatan2 Letrik. Jabatan Perkhidmatan2 Letrik ada-lah berhak untok menolak sebarang tender yang tidak menghadhiri perjumpaan tersebut.

Deposit (Chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $200.00.

**TAWARAN BIL. 149/1982**

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari pemborong2 Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B', yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20hb Disember, 1982 bagi kerja2 berikut:—

'CHADANGAN BAGI KERJA2 MENANAM KABEL VOLTAN TINGGI DI-ANTARA SUB-STATION PEJABAT2 KERAJAAN DI-AIRPORT LAMA DENGAN S-1 SUB-STATION DI-ANGGEREK DESA'.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan di-adakan pada 18hb Disember 1928, pukol 3.00 petang, di-Bilek Persidangan Jabatan Perkhidmatan2 Letrik. Jabatan Perkhidmatan2 Letrik ada-lah berhak untok menolak sabarang tender yang tidak menghadhiri perjumpaan tersebut.

Deposit (Chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $300.00.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan memeriksa perbarisan kehormatan yang terdiri dari anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei di-perkarangan Dewan Majlis.

# DYMM rasmi sidang Majlis Mashuarat Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pagi Khamis lepas telah berkenan berangkat ka-Dewan Majlis di-sini untok merasmikan Mashuarat Pertama bagi musim Permashuaratan Majlis Mashuarat Negeri kali ke-20.

Keberangkatan Baginda ka-majlis itu telah di-alu2kan oleh Speaker Dewan Majlis, YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin di-mana Baginda menerima Tabek Hormat Diraja dari perbarisan anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei.

Pasokan tersebut yang terdiri dari 104 anggota, 54 orang antara-nya Pasokan Pulis Diraja telah di-perkenan untok di-periksa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-telah di-junjong oleh Pegawai Perbarisan, ASP Mohammad bin Haji Zainal Abidin.

Sa-telah sempurna memereksa perbarisan, Baginda Yang Dipertuan di-junjong pula oleh YAM Pengiran Speaker untok bersemayam di-bilek rehat dan sa-terus-nya melafadzkan titah perasmian permashuaratan majlis tersebut.

Turut berangkat ka-majlis itu ia-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awg. Arthur Watson, YTB Penasehat Umom Baginda Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg. Haji Isa, YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abdul Aziz, YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg. Abdul Rahman, YAM Pengiran2 Cheteria, ketua2 Jabatan dan pegawai2 kanan Kerajaan ada-lah di-antara yang turut hadhir.

YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awg. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan membachakan do'a di-akhir majlis perasmian itu.

# EKONOMI BRUNEI TERUS MEMBANGUN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee menjelaskan ekonomi Brunei terus membangun dalam suasana kewangan yang tenteram walau pun ekonomi dunia ketika ini bertambah burok.

Sunggoh pun demikian kita tidak boleh mengenepikan masaalah ekonomi dunia luar kerana kita maseh lagi bergantong kapada pemasaran barangan minyak dan gas dan keperluan kita untok mendapatkan pelaboran2 yang sesuai bagi simpanan kewangan negara kita.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara membuat laporan tersebut ketika membentangkan rang undang2 bagi memohon sa-jumlah wang yang di-satukan bagi perkhidmatan tahun 1983 di-hari kedua persidangan Dewan Majlis.

Mengenai dengan pengeluaran minyak Brunei di-sepanjang tahun 1982, Yang Berhormat itu menyatakan, perolehan sachara purata ia-lah 174 ribu tong sa-hari, dan kadar ini di-anggarkan berkekalan pada tahun 1983. Jangkaan simpanan minyak dalam tahun 1982 ada-lah melebehi jumlah2 yang di-rangka untok pengeluaran.

Pengeluaran Gas Chechair Asli makin menggalakkan dan di-fahamkan kontrek bagi pengekspotan-nya akan di-tambah dalam tempoh 10 tahun lagi.

Dalam pada itu tambah Yang Berhormat, untok mengawal perbelanjaan sara hidup, kerajaan telah menchegah inflasi dari merebak ka-negeri ini dengan bantuan2 subsidi terhadap barang2 keperluan dan minyak kereta.

Kata-nya angka-tunjok harga barang2 pengguna bagi bulan September 1982 menunjokkan satu kenaikan sa-banyak 5.46 peratus melebehi angka bagi bulan September 1981.

Menyentoh kedudokan Sharikat Penerbangan Diraja Brunei, Yang Berhormat berkata sharikat tersebut telah beransor2 beraleh kapada satu keadaan yang mula mendatangkan keuntongan.

Mengenai pinjaman kewangan bagi tujuan2 perusahaan, Yang Berhormat menjelaskan yang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengeluarkan pinjaman yang bernilai lebeh dari 14 juta ringgit yang meliputi kegiatan2 saperti perniagaan runchit, perusahaan2 kechil, perkhidmatan bas dan teksi.

Menyentoh hasil negara tahun depan, Yang Berhormat menganggarkan yang satu lebehan hasil sabanyak $3,809 juta akan di-dapati dan baki kredit Kira2 Hasil Yang Di-Satukan pada 31hb Disember 1983 akan berjumlah kira2 $27,882 juta.

Dengan menjelang-nya kemerdekaan penoh perbelanjaan kemajuan dalam tahun depan di-ramalkan tinggi dari yang sabelum-nya.

Yang Berhormat menjelaskan perbelanjaan bagi tahun 1983 termasok peruntokan bagi gagasan ada-lah di-anggarkan berjumlah $750 juta sementara sumbangan hasil akan berjumlah $600 juta.

Jumlah tersebut akan memberikan peruntokan yang menchukopi dan akan meninggalkan satu baki kredit terhadap kumpolan wang itu di-penghujong tahun depan sabanyak lebeh 16 juta ringgit.

Segala projek2 yang termuat dalam ranchangan kemajuan, tambah Yang Berhormat ada-lah bertujuan untok mempelbagaikan ekonomi, mengekalkan guna tenaga dengan pendapatan per kapita yang sa-makin bertambah dan kemahiran teknoloji yang lebeh tinggi untok menchegah inflasi dan merapatkan jurang dalam pembahagian pendapatan.

Projek2 Perkhidmatan Awam tahun depan kata Yang Berhormat, termasok-lah memperbaiki keadaan jalan raya, pembesaran lapangan terbang dan pelabohan ayer dalam, perbekalan letrik dan ayer, serta kerja2 pembenaan bangunan2 awam.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada hari Rabu lepas telah berangkat untok menyaksikan pertunjokan latehan tentera UBAH SEGERA yang bermula di-Kawasan Padang Tembak Binturan, Tutong.

Turut berangkat ia-lah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Baginda dan rombongan telah di-alu2kan oleh Pemerintah AMDB Brigadier J.P.W. Friedberger dan Timbalan Pemerintah YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohamad bin Haji Daud.

Baginda dan rombongan di-beri taklimat berhubong dengan perjalanan latehan itu oleh YDM Pehin Datu Harimau Padang Lt. Kolonel Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Husin bin Ahmad, Pegawai Pemerintah Battalion Kedua.

Baginda telah juga menyaksikan pemasangan sa-buah jambatan yang boleh disiapkan dalam masa kira2 15 minit untok di-lalui oleh kenderaan tentera.

Kebawah DYMM dan rombongan telah beredar ka-Daerah Temburong dan telah di-alu2kan oleh YDM Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Lt. Kolonel Dato Paduka Awang Haji Mahdini bin Dato Paduka Awang Haji Basir.

Kebawah DYMM dan rombongan-nya di-perlihatkan bagaimana anggota2 tentera di-angkut dengan pesawat helikopter menuju kedudokan musoh untok melakukan serang hendap, dan sa-lepas itu di-ikuti dengan pertunjokan menyelamat dan menggugorkan bantuan oleh chawangan Udara AMDB.

(Berita lanjut dan gambar2 di-muka surat 10 dan 11).

## Sesuaikan dgn dasar kerajaan

Dari muka 1

nya sa-suatu peratoran dan undang2 yang di-adakan itu di-patohi.

"Dan pegawai2 kerajaan yang di-pertanggongjawabkan pula mustahaklah menjalankan-nya dengan berkesan. Jangan sampai timbul keadaan di-mana peratoran itu hanya tinggal peratoran sahaja yakni yang terdapat di-atas kertas sahaja," titah Baginda lagi.

Kapada Ahli2 Yang Berhormat, Baginda menyatakan harapan supaya apa jua yang di-bentangkan di-majlis itu akan di-pertimbangkan dengan bijaksana, ikhlas dan jujor kerana Allah.

"Supaya segala keputusan yang akan di-buat itu kelak akan memberikan munafaat demi untok kebaikan raayat dan pendudok Negeri Brunei Darussalam serta manusia isi di-dalam-nya," titah Baginda.

## Daftar haji

Dari muka 1

Beliau seterus-nya berharap semua bakal2 haji yang telah mendaftar supaya akan dapat hadhir mengikuti kursus2 bimbingan haji yang di-jangka akan di-adakan pada Februari atau awal Mach depan.

Kursus2 bimbingan itu, ujar-nya akan di-adakan di-bangunan2 sekolah Ugama atau Melayu yang berhampiran dengan tempat tinggal masing2.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.